



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PMT/UU/4/3
Tarikh : 19 Mei 2011

Hakim Sesyen
Majistret/Pendaftar
Semenanjung Malaysia



YBhg Dato/Datin/Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bil 1 Tahun 2011

PROSIDING REMAN DI MAHKAMAH MAJISTRET DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarahkan untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, terdapat dua isu berkaitan dengan prosiding reman yang telah dibangkitkan ketika Persidangan Pegawai Kehakiman 2011 yang lalu iaitu:

- i. **Prosiding reman yang dikendalikan di lokap balai polis.**
 - ii. **Minit Reman yang tidak seragam.**
3. i. **Prosiding reman yang dikendalikan di lokap Balai Polis**

Adalah didapati kebanyakan amalan prosiding reman pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum yang dijalankan oleh mahkamah pada ketika ini adalah dikendalikan di lokap-lokap balai polis. Setelah mempertimbangkan amalan tersebut dari aspek keselamatan dan integriti Majistret/Pegawai Kehakiman yang menjalankan prosiding reman di dalam waktu tersebut, adalah dengan ini diarahkan **amalan menjalankan prosiding reman di lokap pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum hendaklah dihentikan dengan serta-merta.** Oleh yang demikian, semua prosiding reman pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum hendaklah dijalankan di mahkamah. Seorang staf mahkamah hendaklah turut hadir untuk membantu Majistret/Pegawai Kehakiman untuk menjalankan prosiding reman pada hari-hari tersebut.

Arahan ini adalah tidak terpakai kepada pusat tahanan yang mempunyai mahkamah yang telah digazetkan untuk tujuan reman.(Contohnya Pusat Tahanan Reman, Bukit Jalil).

ii. **Minit Reman yang tidak Seragam**

Bagi tujuan penyeragaman minit reman pula, penggunaan Borang seperti di **Lampiran A** hendaklah digunakan sebagai minit reman untuk menggantikan apa-apa format sedia ada. Namun begitu haruslah diingatkan bahawa borang seragam tersebut hanyalah sebagai satu cara untuk membantu melicinkan proses pengendalian prosiding reman yang dikendalikan. YBhg Dato/Datin/Tuan/Puan hendaklah berpegang kepada prinsip undang-undang dan sentiasa menggunakan budi bicara kehakiman dalam membuat perintah reman. YBhg Dato/Datin/Tuan/Puan hendaklah berpuas hati, setelah mendengar permohonan dan meneliti diari siasatan polis bahawa terdapat alasan untuk mempercayai tuduhan atau maklumat yang ada terhadap saspek adalah cukup dan saspek perlu ditahan reman untuk penyiasatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' CHE MOHD RUZIMA BIN GHAZALI)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengarah
Mahkamah Negeri
Semenanjung Malaysia

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA



